

Status Azalina bergantung kepada ahli-ahli Puteri UMNO

UM 16 JUN 2002

KUALA LUMPUR 15 Jun - Status Ketua Penaja, Azalina Othman Said dalam Puteri UMNO selepas ia diwujudkan secara formal bergantung kepada anggota-anggota badan itu, kata Setidusaha Agung UMNO, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob hari ini.

"Selepas pengesahan, ia akan ada proses pemilihan seperti yang selalu diamalkan oleh UMNO. Kalau tak ada pencalonan lain, maka dia akan disahkan sebagai ketua iaitu berstatus Naib Presiden," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Hari Keluarga dan Majlis Silaturrahim Kementerian Penerangan Tahun 2002 di FRIM di sini.

Puteri UMNO sebagai kumpulan penaja telah dilancarkan secara rasmi pada 3 Ogos 2000 dan akan menjadi sayap ketiga UMNO selepas Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita.

Puteri UMNO akan disahkan sebagai satu entiti parti pada Perhimpunan Agung Khas, Perhimpunan UMNO minggu depan yang menyaksikan usul pindaan perlembagaan yang memasuk-

kan fasal mengenai penubuhan Puteri UMNO dibawa untuk ke-lulusan perhimpunan agung.

"Selepas Puteri disahkan, ia akan ada pemilihannya sendiri dan ini mengikut proses yang diamalkan dalam UMNO, jika tiada pencalonan lain dia akan disahkan sebagai Ketua dan berstatus Naib Presiden UMNO," katanya.

Sementara itu beliau turut ber-setuju dengan pandangan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai perwakilan yang akan menentukan sama ada pemilihan peringkat bahagian dan Majlis Tertinggi tahun depan perlu ditangguhkan sehingga selepas pilihan raya umum.

Dr. Mahathir semalam berkata, perkara itu terpulang kepada pendapat perwakilan dan jika mereka tidak mahu pemilihan, Majlis Tertinggi akan patuh.